



**PEJABAT PERDANA MENTERI
AKADEMI KENEGARAAN MALAYSIA**

SIARAN MEDIA

PROGRAM JELAJAH NEGARAKU: AKU KASIH MALAYSIA, KOMUNITI KOTA BHARU

KOTA BHARU, 8 Ogos 2026 - Akademi Kenegaraan Malaysia, Pejabat Perdana Menteri telah menganjurkan program Jelajah Negaraku: Aku Kasih Malaysia peringkat komuniti sekitar Kota Bharu bermula 6 hingga 8 Ogos 2026.

Penganjuran program ini merupakan hasil kolaborasi strategik antara agensi dan jabatan kerajaan bersama komuniti PPR Kota Bharu Kelantan dalam usaha memperkukuh Kerjasama serta memperkasakan pembangunan komuniti.

Program ini bertujuan untuk memupuk semangat cintakan negara dalam kalangan komuniti, selaras dengan aspirasi Malaysia MADANI yang menekankan kesejahteraan rakyat serta komitmen Kerajaan dalam mempermudah penyampaian perkhidmatan kepada pelbagai lapisan masyarakat.

Antara program utama yang dilaksanakan ialah Program Mahasiswa turun ke sekolah melibatkan penyertaan mahasiswa daripada Himpunan Anak-Anak Kelantan USM (HAAKUSM) sebagai fasilitator yang memberi bimbingan kepada pelajar sekolah menengah seramai 340 orang pelajar dari sekitar daerah Kota Bharu.

Seramai 100 orang kelompok asnaf dan keluarga berpendapatan rendah pula turut menerima sumbangan Bakul Makanan dari Jabatan Pembangunan Persekutuan Negeri Kelantan melalui program Ziarah Kasih dan Prihatin Sukarelawan Askar Wataniah. Sebanyak 13 program turut dilaksanakan dalam tempoh sama melibatkan penyertaan hampir 5,000 peserta keseluruhan meliputi siri program Ukhwah MADANI, Program Komuniti Masyarakat Cina dan seminar Kenegaraan Malaysia MADANI Komuniti.

Majlis penutup program telah disempurnakan oleh YBrs. Tuan Mohd Khailani bin Ismail, Timbalan Ketua Pengarah (Profesional) AKM. Turut sama hadir, Puan Zuryati binti Zakaria, Pengarah AKM Negeri Kelantan. Program melibatkan Kelab Rukun Tetangga Projek Perumahan Rakyat (PPR) Kota Bharu sebagai tuan rumah dengan penyertaan pelbagai agensi kerajaan yang menawarkan pameran dan perkhidmatan kepada komuniti. Antara agensi yang terlibat ialah Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM), Angkatan Pertahanan Awam (APM), Askar Wataniah, Agensi Anti Dadah Kebangsaan (AADK), Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ), Institut Latihan FAMA, Jabatan Kemajuan Masyarakat (KEMAS), Pejabat Kesihatan Daerah Kota Bharu yang menyediakan pemeriksaan kesihatan serta Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) menerusi pelaksanaan Jualan Rahmah. Aktiviti yang mendapat sambutan ini memperlihatkan usaha kerajaan untuk menyantuni kumpulan komuniti.

Aktiviti yang mendapat sambutan menggalakkan daripada komuniti ini mencerminkan komitmen Kerajaan dalam menyantuni rakyat menerusi penyampaian perkhidmatan secara terus, di samping memperkukuh hubungan antara agensi kerajaan dan masyarakat.

Penganjuran julung kali program ini di negeri Kelantan membuktikan komitmen berterusan Akademi Kenegaraan Malaysia (AKM), Pejabat Perdana Menteri dalam memperluas usaha mendekati dan menyantuni pelbagai lapisan masyarakat di seluruh negara. Inisiatif ini selaras dengan aspirasi Malaysia MADANI serta hasrat YAB Perdana Menteri agar penyampaian perkhidmatan dan manfaat Kerajaan dapat dirasakan oleh semua lapisan rakyat tanpa mengira latar belakang.

AKADEMI KENEGARAAN MALAYSIA
PEJABAT PERDANA MENTERI
8 Ogos 2026
